



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : KONTIJEN ROBOTIK POLYCC BERSEDIA HARUMKAN NAMA NEGARA DIPERTANDINGKAN ROBOTIK DI KANADA

SUMBER : BERNAMA - 14 JULAI 2026

Kontinjen Robotik POLYCC Bersedia Harumkan Nama Negara Dipertandingan Robotik Di Kanada

14/07/2026 09:35 PM



PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Enam pelajar daripada tiga politeknik di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) akan mewakili Malaysia pada 31st FIRA RoboWorld Cup & Summit 2026 di Ontario, Kanada dari 17 hingga 21 Julai ini bagi menguji keupayaan dalam pertandingan robotik bertaraf dunia.

Kesemua pelajar yang akan diiringi dua pensyarah, terdiri daripada wakil Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) bakal bertanding dalam kategori HuroCup, FIRA Air dan Autonomous Car Challenge.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Dr Shamsuri Abdullah berkata penyertaan dalam FIRA RoboWorld Cup & Summit bukan sekadar mengejar kemenangan, sebaliknya menjadi platform penting dalam membangunkan bakat, kreativiti, inovasi dan daya saing pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat global.

"Mereka akan diuji kemahiran dalam bidang kejuruteraan, pengaturcaraan, kecerdasan buatan (AI), integrasi sistem dan penyelesaian masalah secara autonomi bersama pasukan terbaik dunia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Delegasi yang diketuai Shamsuri itu turut membawa misi strategik negara untuk mengemukakan bidaan Malaysia sebagai tuan rumah FIRA RoboWorld Cup & Summit 2027, dengan penganjurannya bakal memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan TVET, robotik dan inovasi bertaraf dunia dan memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa dalam bidang teknologi.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : KONTIJEN ROBOTIK POLYCC BERSEDIA HARUMKAN NAMA NEGARA DIPERTANDINGKAN ROBOTIK DI KANADA

SUMBER : BERNAMA - 14 JULAI 2026

Selain itu, beliau berkata penyertaan kontinjen Malaysia pada tahun ini turut disandarkan kepada rekod kecemerlangan di pentas FIRA sebelum ini iaitu pada edisi 2025 di Korea Selatan, kontinjen politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) berjaya membawa pulang lima pingat emas, tiga pingat perak dan lima pingat gangsa, sekali gus mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai antara pencabar utama dalam bidang robotik.

"Pada edisi 2024 di Brazil, pasukan Politeknik Port Dickson berjaya merangkul *Best Technical Startup Award (Innovation & Business)*, membuktikan keupayaan pelajar POLYCC bukan sahaja dalam aspek teknikal, malah berpotensi menghasilkan inovasi yang mempunyai nilai komersial di peringkat antarabangsa," katanya.

Shamsuri turut menzahirkan keyakinan penyertaan itu bukan sahaja mampu mengharumkan nama Malaysia di persada dunia, malah menjadi inspirasi kepada lebih ramai pelajar TVET untuk terus mencipta kecemerlangan dalam bidang robotik, automasi dan teknologi masa hadapan selaras dengan aspirasi Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035.

-- BERNAMA